

BAB 8 : PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

PENGENALAN

1. Semasa memerintah Tanah Melayu, British telah memperkenalkan pelbagai dasar hanya untuk memenuhi kepentingan ekonomi mereka. Kesannya, British telah berjaya mengaut keuntungan daripada sistem ekonomi moden yang diperkenalkan.
2. Sistem ini yang bercirikan
 - penggunaan mata wang,
 - pengenalan institusi bank perdagangan antarabangsa,
 - penggunaan teknologi tinggi
 - sistem pengurusan yang cekap
3. Sistem ini begitu asing kepada penduduk peribumi. Penduduk peribumi terus ketinggalan dengan sistem ekonomi tradisional yang merupakan ekonomi sara diri.
4. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu terpaksa menghadapi segala kepincangan yang ditinggalkan oleh penjajah untuk membangunkan ekonomi dan sosial demi kesejahteraan rakyatnya.

PEMBANGUNAN EKONOMI

1. Pembangunan ekonomi di negara kita dilaksanakan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang dimulakan oleh kerajaan Parti Perikatan sejak sebelum merdeka lagi. Pada peringkat awal, rancangan tersebut memberikan tumpuan terhadap pembangunan kawasan luar bandar.
2. Dasar Ekonomi Baru (DEB) pula diperkenalkan untuk
 - membasmi kemiskinan
 - dan menyusun semula, masyarakat tanpa mengira kaum.
3. DEB dilaksanakan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun.
4. Pada tahun 1990, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pula diperkenalkan untuk menyambung hasrat DEB sehingga tahun 2000.
5. Dalam pelaksanaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun menerusi DEB dan DPN, banyak dasar pembangunan dan agensi kerajaan diwujudkan secara bersepada untuk memastikan kejayaan pembangunan ekonomi negara.

RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN

1. Rancangan Pembangunan Lima Tahun telah dilaksanakan dalam dua tahap, iaitu tahap pertama dan tahap kedua. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Tahap Kedua (1971 - 1990) juga dikenali sebagai Rangka Rancangan Jangka Panjang I (RRJP 1) dan dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru.
2. Jadual di bawah menunjukkan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun bagi kedua-dua tahap tersebut.

RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN

Tahap Pertama	Tahap Kedua
Rancangan Malaya Pertama (1956 -1960)	Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)
Rancangan Malaya Pertama (1961 -1965)	Rancangan Malaysia Ketiga (1976 -1980)
Rancangan Malaysia Pertama (1966 -1970)	Rancangan Mafaysia Keempat (1981 -1985)
	Rancangan Malaysia Kelima (1986 -1990)

TAHAP PERTAMA

(I) RANCANGAN MALAYA PERTAMA

1. Diperkenalkan sejak sebelum merdeka lagi.
2. Matlamat utama adalah
 - untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya jurang perbezaan pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar dapat dirapatkan.
 - bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.
 - untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan negara supaya negara tidak terlalu bergantung pada getah dan bijih timah.
3. Dalam sektor ekonomi
 - pembukaan tanah baru untuk pertanian digiatkan,
 - penanaman semula getah oleh pekebun kecil dan secara ladang digalakkan,
 - hasil keluaran pertanian dipelbagaikan
 - perusahaan melombong bijih timah diperluas.
3. Dalam sektor sosial, pelbagai perkhidmatan diberikan perhatian seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan.
4. Dalam sektor awam pula, infrastruktur seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan diberikan tumpuan.
5. Dalam pelaksanaan Rancangan Malaya, Pertama I, dua agensi utama kerajaan memainkan peranan penting, iaitu
 - Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA)
 - dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA).

AGENSI KERAJAAN	KETERANGAN
RIDA	<ol style="list-style-type: none">1. Matlamat utama RIDA adalah untuk membangunkan masyarakat luar bandar.2. Antara peranan RIDA termasuklah<ul style="list-style-type: none">▪ memberikan pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil,▪ membantu pemasaran hasil pertanian▪ dan menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam sektor pembiagaan.
FELDA	<ol style="list-style-type: none">1. FELDA pula ditubuhkan pada tahun 1956 sebagai badan berkanun.2. Peranan FELDA adalah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar di samping meningkatkan hasil pertanian negara.3. Melalui agensi ini tanah baru dibuka secara besar-besaran untuk pertanian dan sebagai petempatan baru yang dilengkapi kemudahan asas.4. Penduduk luar bandar yang miskin dipindahkan ke petempatan baru ini dan menjadi petani moden. Jenis tanaman yang diberikan tumpuan ialah getah dan kelapa sawit.

6. Keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan kawasan luar bandar dapat dilihat dengan penubuhan **Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar** pada tahun 1959 yang diketuai oleh Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein, iaitu Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Kementerian ini diberikan peranan untuk

- menyelaraskan dan menjayakan segala program pembangunan luar bandar. Bagi tujuan tersebut kedua-dua agensi, iaitu RIDA dan FELDA kemudiannya diletakkan di bawah kementerian ini.
7. Pencapaian Rancangan Malaya Pertama kurang memberangsangkan kerana ancaman komunis semasa Zaman Darurat menyebabkan sejumlah perbelanjaan negara dialihkan kepada keselamatan negara. Keadaan ini juga disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi getah dan bijih timah di pasaran dunia.

RANCANGAN MALAYA KEDUA

1. Rancangan Malaya Kedua merupakan kesinambungan Rancangan Malaya Pertama kerana rancangan ini masih memberikan penekanan kepada pembangunan penduduk luar bandar.
2. Tujuannya adalah untuk merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar, di samping mengurangkan kadar kemiskinan dan sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat.
3. Program pembukaan tanah di bawah FELDA digiatkan. Begitu juga dengan usaha mempelbagaikan jenis tanaman untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap getah dan juga bahan makanan import.
4. **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)** pula ditubuhkan pada tahun 1965 untuk membantu petani mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.
5. Rancangan Malaya Kedua pula memberikan tumpuan terhadap
 - **penyediaan infrastruktur sosial** seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan.
 - Usaha menyediakan peluang pekerjaan juga diberikan perhatian.
 - Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar telah mewujudkan Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur untuk menyelaraskan kegiatan pembangunan pada peringkat negeri, daerah dan kampung.
 - Sehubungan dengan itu, Buku Merah yang mengandungi program, pelaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian diperkenalkan.

RANCANGAN MALAYSIA PERTAMA

1. Rancangan Malaysia Pertama merupakan rancangan lima tahun yang pertama setelah penubuhan Malaysia pada tahun 1963 yang merangkumi Sarawak dan Sabah.
2. Integrasi nasional menjadi tumpuan utama dengan memastikan semua program pembangunan memfokuskan kesejahteraan rakyat.
3. Rancangan Malaysia Pertama bersifat bersepadan dan merangkumi semua bidang ekonomi dengan mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam sektor pertanian dan juga perindustrian.
4. Pembukaan tanah oleh FELDA semakin pesat.
5. Ini membawa kepada kemunculan pelbagai projek seperti Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara.
6. Dalam menjayakan matlamat RM2 badan-badan berikut ditubuhkan

Agensi/ Badan berkanun	Keterangan
Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FEKRA)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ telah ditubuhkan pada tahun 1965 ▪ membantu FELDA menjalankan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar.
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggantikan RIDA pada tahun 1966
Bank Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> ▪ ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor perusahaan dan perdagangan.
Perbadanan Nasional Berhad	<ul style="list-style-type: none"> ▪ ditubuhkan pada tahun 1969

(PEMAS)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertujuan menggiatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang tersebut.
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian atau Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ telah ditubuhkan pada tahun 1969. ▪ MARDI bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan memperkenalkan teknologi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian kecuali getah.
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berkaitan dengan pembangunan sektor perindustrian ▪ Ditubuhkan pada tahun 1967

7. Akta Pelaburan yang diluluskan pada tahun 1969 berfungsi menggalakkan kemunculan industri baru.
8. Peningkatan pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Pertama terbantut apabila berlaku Peristiwa 13 Mei 1969.
9. Jelas bahawa segala program pembangunan ekonomi selama ini belum dapat membendung masalah perpaduan kerana jurang perbezaan pendapatan antara kaum masih ketara. Ekoran itu, DEB telah diperkenalkan sebagai perancangan pembangunan negara jangka panjang. Matlamat akhirnya adalah untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

TAHAP KEDUA

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

1. Rancangan Malaysia Kedua merupakan rancangan pembangunan lima tahun pertama di bawah DEB.
2. Matlamat Rancangan Malaysia Kedua
 - adalah untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah.
 - Tumpuan diberikan terhadap, usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambahkan pendapatan dan menyediakan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi
 - serta menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi.
3. Program pembangunan kawasan luar bandar diteruskan. Beberapa agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan wilayah. Agensi lain juga telah ditubuhkan khususnya untuk membantu golongan petani, menggalakkan perkembangan perusahaan dan perdagangan serta memajukan bandar.
4. Beberapa agensi kerajaan telah ditubuhkan dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua yang berperanan seperti dalam jadual berikut:

Agensi	Fungsi
Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN) 1971	Menstabilkan harga padi.
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 1971	Membangunkan dan memodenkan industri perikanan serta meningkatkan taraf hidup nelayan.
Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) 1971	Membangunkan bandar.
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	Membantu pekebun kecil getah dari segi penyelidikan dan penanaman semula getah.

(RISDA) 1973	
Lembaga Pertubuhan Pelodang (LPP) 1973	Membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi.
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) 1974	Memajukan sektor perindustrian dan pembiagaan yang berkaitan dengan petroleum
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	Menggalakkan perindustrian dan perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan kedai.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

1. Rancangan Malaysia Ketiga merupakan lanjutan Rancangan Malaysia Kedua yang terus mendokong aspirasi DEB. Usaha membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat terus menjadi matlamat segala program pembangunan ekonomi dalam tempoh ini. Program pembangunan pertanian dan perindustrian diteruskan untuk meningkatkan produktiviti, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
2. Pembukaan tanah secara besar-besaran dilaksanakan di bawah program pembangunan wilayah oleh agensi-agensinya seperti Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Tumpuan diberikan terhadap penanaman getah dan kelapa sawit kerana keperluan eksport. Agensi pembangunan wilayah diluaskan peranannya dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baru.

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

1. Rancangan Malaysia Keempat juga seperti Rancangan Malaysia Ketiga yang mendukung aspirasi DEB. Namun begitu, Rancangan Malaysia Keempat dilancarkan semasa dunia mengalami kelembapan ekonomi. Rancangan Malaysia Keempat tetap meneruskan program pembangunan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan Malaysia Keempat mula memberikan tumpuan kepada perkembangan perusahaan berat yang berdasarkan pelaburan modal dan penggunaan teknologi tinggi serta keperluan tenaga pekerja mahir. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada akhir tahun 1980. Penubuhan HICOM adalah untuk mengenal pasti, memulakan dan menguruskan projek industri berat dengan cekap seperti yang dikendalikan oleh sektor swasta.
2. Bagi menggiatkan perindustrian dan menggalakkan pelaburan modal asing, perusahaan baru telah dibuka seperti di Skudai (Johor), di Senawang (Negeri Sembilan), di Bintulu (Sarawak) serta di Menggatal dan Likas (Sabah). Di samping itu, zon perdagangan bebas telah diperkenalkan di Bayan Lepas (Pulau Pinang) dan di Sungai Way (Selangor).
3. Bagi memastikan keberkesanannya projek perindustrian, dua program telah dilancarkan pada tahun 1983, iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian. Kelemahan dalam struktur perindustrian negara dikenal pasti oleh Kajian Dasar Perindustrian Malaysia. Pelan Induk Perindustrian pula menyediakan hala tuju pembangunan industri dan strategi pelaksanaannya. Pengenalan Dasar Penswastaan dan Dasar Pensyarikatan Malaysia merupakan perkembangan baru dalam Rancangan Malaysia Keempat kerana melibatkan sektor swasta dalam menjana pembangunan ekonomi negara. Penglibatan sektor swasta dapat mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan.
4. Bagi mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah ditubuhkan

dan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) telah dilancarkan pada tahun 1981 . Sektor pertanian turut diberikan perhatian dalam Rancangan Malaysia Keempat menerusi Dasar Pertanian Negara (DPN). Dasar ini yang dibentuk pada tahun 1984 bermatlamat untuk memodenkan dan menggiatkan semula sektor pertanian secara bersepada dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.

5. Secara keseluruhannya, Rancangan Malaysia Keempat mencatatkan perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.8 peratus setahun. Pendapatan per kapita pula telah meningkat pada kadar 4.4 peratus setahun menjadi RM4000 juta pada tahun 1985.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA

1. Rancangan Malaysia Kelima merupakan rancangan lima tahun ekonomi yang terakhir untuk merealisasikan aspirasi DEB yang genap 20 tahun pada tahun 1990. Penekanan utama Rancangan Malaysia Kelima adalah untuk meningkatkan sektor perindustrian dengan melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan pelesenan dalam sektor swasta. Selain itu, syarat pelaburan modal asing dilonggarkan untuk meningkatkan pelaburan sektor perindustrian berorientasikan eksport. Pada masa yang sama, kerajaan berusaha meningkatkan kecekapan pengurusan agensinya agar dapat bekerjasama dengan sektor swasta dengan lebih berkesan.
2. Pembangunan kawasan luar bandar terus diberikan perhatian. Penggunaan tanah dengan lebih cekap dititikberatkan supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri desa yang berpotensi seperti kraf tangan digalakkan. Untuk kemudahan tersebut, kredit dan insentif telah diperluas, misalnya, melalui Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia.
3. Sektor pelancongan menjadi perusahaan penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia merancakkan lagi industri pelancongan terutama dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990. Satu lagi penekanan Rancangan Malaysia Kelima adalah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Bidang ini dimajukan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan guna tenaga tempatan untuk meningkatkan produktiviti negara.
4. Pada keseluruhannya, walaupun Rancangan Pembangunan Lima Tahun ini telah menunjukkan kemajuan terutamanya pada tahap pertama tetapi perasaan tidak puas hati antara kaum masih timbul sehingga berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Namun pada tahap kedua, pelaksanaan DEB berjaya merapatkan jurang antara kaum serta wilayah. Kadar kemiskinan menurun manakala dalam KDNK, pendapatan per kapita dan hak milik modal saham kaum bumiputera meningkat. Walaupun begitu, peningkatan hak milik modal saham bumiputera hanya setakat 20.3% sedangkan sasaran yang ditetapkan 30%. Sebaliknya, hak milik modal saham kaum bukan bumiputera meningkat kepada 46.2% melebihi sasaran 40% yang ditetapkan. Ini bermakna DEB memberikan manfaat kepada semua kaum. Peningkatan hak milik modal saham kedua-dua golongan ini sebrang-kurangnya berjoya mengurangkan hak milik modal saham orang asing kepada 33.5%.

DASAR PENBANGUNAN NEGARA

Dasar pembangunan ekonomi diperkenalkan untuk memenuhi keperluan ekonomi moden yang berteraskan perindustrian.

DASAR PERTANIAN NEGARA (DPN)

1. Dasar Pertanian Negara (DPN) yang dilancarkan pada 12 Januari 1984 bermatlamat
 - untuk meningkatkan pendapatan sektor pertanian ke tahap maksimum menerusi pengurusan sumber ekonomi negara yang cekap dan berkesan.
 - DPN juga bermatlamat untuk memaksimumkan pendapatan pekebun kecil di samping memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport.
2. Beberapa strategi untuk mencapai matlamat DPN telah dilaksanakan. Antaranya termasuklah
 - menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru di bawah rancangan FELDA, agensi pembangunan wilayah dan kerajaan negeri.
 - Selain itu, program pembangunan in-situ diperkenalkan untuk memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah.
 - Program ini dilaksanakan dengan menyediakan perkhidmatan sokongan pertanian seperti pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan.
 - Penglibatan sektor swasta dalam projek penswastaan pertanian di bawah Kementerian Pertanian juga diperkenalkan.

DASAR PENSYARIKATAN MALAYSIA

1. Dasar Pensyarikatan Malaysia diperkenalkan pada 25 Februari 1983. Dasar ini bermatlamat untuk merangsang penglibatan sektor swasta secara aktif dan berkesan dalam pembangunan negara. Melalui dasar ini, Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat yang dimiliki secara bersama oleh kerajaan dan sektor swasta. Semua kaitangan kerajaan dan swasta merupakan pemilik saham dan pekerja yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan syarikat ini, iaitu Malaysia. Bagi melaksanakannya, sebuah panel perunding antara pihak kerajaan dengan sektor swasta telah ditubuhkan.
2. Pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta untuk menialin hubungan dan berkongsi kepakaran. Sektor swasta perlu memahami dasar kerajaan dan mengutamakan kepentingan nasional dalam aktiviti ekonomi di samping mendapatkan keuntungan maksimum. Pihak kerajaan pula bertindak memberikan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi sektor swasta.

DASAR PENSWASTAAN

1. Dasar Penswastaan telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pada bulan Mac 1983. Menerusi dasar ini, kerajaan memindahkan perkhidmatan, perusahaan, kepentingan, pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta.
2. Dasar Penswastaan bermatlamat
 - mengurangkan beban kewangan kerajaan.
 - meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barang kerana sektor swasta dianggap lebih cekap daripada sektor awam.
3. Dasar Penswastaan diyakini dapat mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal oleh sektor swasta.

4. Unit Perancangan Ekonomi (U P E) bertindak sebagai jawatankuasa penswastaan yang memberikan garis panduan kepada sesebuah kementerian atau jabatan yang ingin menjalankan penswastaan.
5. Berdasarkan garis panduan yang disediakan, penswastaan boleh dilaksanakan sama ada secara sepenuhnya ataupun secara sebahagian. Menerusi Dasar Penswastaan kerajaan dapat mengurangkan beban kewangan dan mengalihkan tumpuan terhadap pembangunan sektor lain.

DASAR HALA TUJU CARA BARU

1. Dasar Hala Tuju Cara Baru ialah dasar kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar. Jelasnya, dasar ini merupakan pendekatan baru kerajaan membangunkan kawasan tersebut. Matlamat utama dasar ini adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan petani dan pekerja desa melalui penglibatan mereka dalam sektor pelaburan.
2. Dasar ini dilaksanakan melalui tiga strategi.
 - Strategi pertama adalah dengan mengelompokkan kampung-kampung menjadi petempatan yang lebih besar supaya segala kemudahan dapat disediakan dengan lebih ekonomik.
 - Strategi kedua, meningkatkan pendapatan golongan petani dan pekerja desa melalui program usahawan desa Yang terlibat dengan industri pembuatan barang.
 - Strategi ketiga ialah pelaksanaan projek pembangunan oleh agensi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

DASAR PENINGKATAN DAYA PENGETAHUAN NEGARA (DPDPN)

1. Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara (DPDPN) bermatlamat untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang berterusan walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran. Peningkatan hasil pendapatan negara penting untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.
2. DPD PN ini juga memastikan penggunaan sumber negara pada tahap maksimum bagi mengelakkan sebarang pembaziran di samping memastikan sektor perindustrian dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Antara strategi pelaksanaan DPD PN termasuklah membaiki sistem pengurusan operasi, struktur organisasi, penggunaan teknologi terkini serta penerapan nilai dan etika kerja yang murni.

DASAR KEPENDUDUKAN

1. Dasar Kependudukan telah dikemukakan oleh Perdana Menteri pada 29 Mac 1984. Matlamat Dasar Kependudukan adalah untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang tahun 2100. Pertumbuhan penduduk dalam jangka masa yang panjang akan memberikan kesan positif terhadap bekalan tenaga kerja, peningkatan produktiviti dan perluasan pasaran. Di samping itu, jumlah penduduk yang besar akan menyumbang ke arah kekuatan politik dan keselamatan negara.
2. Dasar Kependudukan menitikberatkan keselarasan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembangunan sosioekonomi negara khususnya yang berkaitan dengan kemudahan pendidikan, perumahan, kesihatan dan peluang pekerjaan. Oleh sebab itu, segala program pembangunan negara didasarkan pada unjuran jumlah penduduk untuk memastikan pertambahan jumlah penduduk tidak mendatangkan masalah kepada negara.

PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN BANGSA

Seperti pembangunan ekonomi, pembangunan sosial juga penting dalam pembangunan dan perpaduan negara, malah pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi saling melengkapi. Dasar pembangunan sosial dilaksanakan dalam bentuk pendidikan dan penglibatan aktiviti sosial. Antara dasar yang berkaitan termasuklah Rukun Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Sukan untuk Semua.

SUDUT MAKLUMAT
<p>MAGERAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Ditubuhkan selepas Peristiwa 13 Mei 1969.• Antara peranannya termasuklah mengembalikan keamanan, melicinkan pentadbiran dan mengembalikan keharmonian kaum.• Pentadbiran MAGERAN berjalanan selama 21 bulan.

RUKUN NEGARA

1. Gagasan pembentukan Rukun Negara merupakan kesan daripada Peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan kaum yang berlaku itu telah mengancam ketenteraman, keamanan dan keselamatan negara. Mailis Gerakan Negara (MAGERAN) yang dipertanggungjawabkan mengambil alih pentadbiran negara telah menubuhkan Mailis Perundingan Negara (MPN) untuk membincangkan dan menilai isu perpaduan negara. MPN menekankan pembentukan ideologi negara yang dikenal sebagai Rukun Negara dan diisyiharkan pada 31 Ogos 1970.
2. Matlamat Rukun Negara adalah untuk mengukuhkan perpaduan, memelihara corak hidup demokratik, mencipta sebuah masyarakat yang adil, menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai dan membina masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi. Prinsip-prinsip Rukun Negara adalah seperti berikut:
 - KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
 - KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
 - KELUHURAN PERLEMBAGAAN
 - KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
 - KESOPANAN DAN KESUSILAAN
3. Prinsip pertama menunjukkan bahawa agama merupakan pegangan paling utama rakyat Malaysia. Rakyat yang beragama mudah diurus menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Perlembagaan Malaysia 1963 menetapkan bahawa Islam ialah agama rasmi tetapi agama lain bebas diamalkan.
4. Prinsip kedua menuntut semua rakyat Malaysia memberikan kesetiaan kepada raja dan negara. Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua negara dan Raja Melayu merupakan ketua negeri. Raja sebagai simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi. Penderhakaan kepada raja juga bermaksud penderhakaan kepada negara.
5. Prinsip ketiga menekankan keluhuran perlembagaan. Perlembagaan merupakan undang-undang utama bagi sesebuah negara dan dianggap luhur, unggul serta suci. Keluhuran perlembagaan menuntut semua rakyat menerima, mematuhi, menyanjung dan mempertahankannya.

6. Prinsip keempat menekankan kedaulatan undang-undang. Prinsip ini menuntut rakyat Malaysia menghormati undangundang dengan tidak melakukan kesalahan di sisi undangundang. Semua rakyat akan dapat hidup dengan aman damai apabila kedaulatan undang-undang terpelihara. Kita bertanggungjawab memastikan undang-undang negara sentiasa didaulatkan dan tidak dicabar oleh mana-mana pihak.
7. Prinsip kelima menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila. Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu. Kesopanan dan kesusilaan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati.

DASAR PENDIDIKAN KEBANGSAAN DAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

1. Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) telah bermula sebelum kemerdekaan lagi apabila British memperkenalkan Sistem Ahli. Laporan Barnes 1950 mencadangkan semua sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil dibubarkan serta digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan yang dicadangkan ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah serta bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi. Namun, cadangan ini ditentang oleh masyarakat Cina kerana menganggap bahasa ibunda mereka akan tergugat. Laporan Fenn-Wu 1951 yang mewakili masyarakat Cina mencadangkan sekolah vernakular Cina terus kekal walaupun bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan.
2. Ordinan Pelajaran 1952 kemudiannya diperkenalkan dengan mengambil kira Laporan Bames dan Laporan Fenn-Wu. Ordinan ini mencadangkan dua sistem persekolahan yang menggunakan dua bahasa pengantar, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Pengajaran bahasa Cina dan Tamil akan disediakan sekiranya ada permintaan daripada ibu bapa. Bahasa Melayu diwajibkan diajar di sekolah Inggeris dan sebaliknya bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah Melayu. Walau bagaimanapun, Ordinan Pelajaran 1952 tidak dapat dialangkan kerana tentang masyarakat Cina dan India, kekurangan kewangan dan ancaman penganas komunis pada ketika itu.
3. Pada tahun 1955, Kerajaan Perikatan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein selaku Menteri Pelajaran pada masa itu. Penyata Razak 1956 telah mengemukakan dua elemen penting dalam dasar pendidikan yang dianggap dapat menyuburkan semangat perpaduan negara, iaitu sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk dan penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan.
4. Antara cadangan Penyata Razak termasuklah penubuhan sekolah umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah jenis umum (rendah) yang menggunakan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar. Sekolah menengah Melayu pula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah. Penyata Razak telah mengemukakan cadangan penting bagi pembentukan bangsa yang bersatu padu melalui satu dasar pendidikan yang menggambarkan perasaan dan harapan masyarakat berbilang kaum di Tanah Melayu. Penyata Razak kemudiannya dijadikan Ordinan Pelajaran 1957.
5. Pada tahun 1960, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Rahman Haji Talib, Menteri Pelajaran, telah ditubuhkan untuk mengkaji Ordinan Pelajaran 1960. Laporan jawatankuasa tersebut dikenali sebagai Laporan Rahman Talib 1960. Beberapa syar baru telah dicadangkan sebagai tambahan kepada Penyata Razak. Untuk memupuk semangat perpaduan kaum, sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan sementara

sekolah jenis umum pula dijadikan sekolah jenis kebangsaan. Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama.

6. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan begitu jelas dalam Laporan Rahman Talib. Sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ditularkan kepada bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah. Pelajaran agama Islam diajarkan di semua sekolah bantuan penuh kerajaan yang mempunyai tidak kurang 15 pelajar Islam. Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar di sekolah kebangsaan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar. Selain itu, semut peperiksaan awam akan diadakan dalam bahasa kebangsaan. Syor-syor dalam Laporan Rahman Talib telah diterima dan digubal menjadi Akta Pelajaran 1961.
7. Berdasarkan kajian Aminuddin Bakri, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965. Sistem persekolahan ini adalah untuk menampung pelajar-pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik. Antara matlamatnya termasuklah menyediakan pelajaran pada peringkat menengah rendah sehingga berumur 15 tahun dengan memberikan pelbagai kursus kemahiran untuk melaburkan tenaga kerja mahir dan sebagai persediaan untuk pasaran kerja. Kursus kemahiran pilihan yang diajarkan ialah perdagangan, sains rumah tangga, seni perusahaan dan sains pertanian. Mata pelajaran wajib pula adalah seperti yang diajarkan di sekolah menengah biasa.
I
8. Jawatankuasa Kabinet 1974 dibentuk untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan. Objektif utamanya adalah untuk menilai sejauh mana pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan yang sedia ada dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh negara. Di samping itu juga, jawatankuasa tersebut mahu mengenal pasti sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.
9. Antara kandungan laporannya termasuklah penekanan terhadap penggunaan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), kenaikan dariah secara automatik, penekanan terhadap sekolah vokasional, sukanan pelajaran sekolah swasta, bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan serta penekanan terhadap kurikulum dan disiplin sebagai asas perpaduan. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pula diperkenalkan pada tahun 1988. Kurikulum baru ini juga menekankan perkembangan diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.
10. Kewujudan Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu sebagai pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan di bawah, dapat dilihat dengan jelas hala tuju sistem pendidikan di negara kita.
11. Dasar Pendidikan Kebangsaan penting untuk memupuk perpaduan. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan, adat resam dan agama, pendidikan merupakan faktor utama dalam memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha

ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetabuan berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluaraa, masvarakat dan neciara.

AKTA BAHASA KEBANGSAAN

1. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahala untuk memartabatkan bahasa Melayu tetapi juga untuk meniamin perpaduan rakyat di Tanah Melayu. Antara langkah untuk memajukan bahasa Melayu termasuklah penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1956. Pelancaran "Minggu Bahasa" dan "Bulan Bahasa" dilakukan sebagai usaha menggalakkan penggunaan bahasa Melayu. Begitu juga dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" -Yang dilancarkan pada tahun 1960. Ini disusuli oleh penubuhan sekolah menengah Yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah Alam Shah, Sekolah Sri Puteri dan Sekolah Sultan Abdul Halim. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin kukuh apabila Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967. Pada tahun 1970, bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris telah ditukarkan kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1977 pula telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu. Bermula pada tahun 1982, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah untuk mengantikan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu mula digunakan di mahkamah pada tahun 1990.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

1. Dasar Kebudayaan Kebangsaan lahir daripada gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 1971. Dasar ini digubal untuk menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia. Objektif Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk memperkuuh perpaduan melalui kebudayaan serta memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan. Dasar ini juga bertujuan memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan dari aspek kemanusian dan kerohanian seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.
2. Tiga Prinsip Utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 - Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang.
 - Unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima.
 - Islam sebagai unsur yang terpenting.

SUKAN UNTUK PERPADUAN

1. Sukan memainkan peranan sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi dan dapat menyemarakkan semangat patriotik di kalangan rakyat. Aktiviti sukan tidak mengehadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja malah membuka peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat.
2. Pada peringkat sekolah, sukan merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat digalakkan. Mailis Sukan SekolahSekolah telah ditubuhkan pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan untuk menggalakkan aktiviti sukan. Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan dua tahun sekali jelas memainkan peranannya mengerakkan perpaduan antara kaum dan hubungan antara negeri.

3. Kita sebagai warganegara yang bakal mewarisi negara kita yang tercinta ini bertanggungjawab untuk memelihara perpaduan bangsa. Dasar pembangunan dan perpaduan bangsa menuntut pemahaman kita untuk melibatkan diri secara aktif dalam usaha-usaha memupuk perpaduan nasional.

WAWASAN 2020

1. Wawasan 2020 merupakan gagasan negara untuk menjadi sebuah negara yang malu menjelang tahun 2020. Idea wawasan ini dicetuskan oleh Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad pada 28 Februari 1991. Matlamat wawasan ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju dengan menggunakan acuan sendiri setanding dengan negara maju di dunia. Kemajuan yang diharapkan bukan seperti negara-negara maju di Barat yang menitikberatkan kemajuan fizikal semata-mata tetapi kemajuan bersepadu.
2. Menurut Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, negara Malaysia yang maju sepenuhnya tidak akan wujud sehingga kita dapat mengatasi sembilan cabaran yang telah dikenal pasti sejak negara kita merdeka.
3. Sembilan cabaran yang perlu diatasi bagi merealisasikan Wawasan 2020 tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah

Cabaran Pertama	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.
Cabaran Kedua	Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan.
Cabaran Ketiga	Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang.
Cabaran Keempat	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika
Cabaran Kelima	Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan berfoleransi
Cabaran Keenam	Membina masyarakat yang maju dan saintifik.
Cabaran Ketujuh	Mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang.
Cabaran Kelapan	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya.
Cabaran Kesembilan	Memupuk dan membina masyarakat makmur.

4. Perpaduan merupakan asas kekuatan sesebuah negara. Semua ini dapat dicapai melalui dasar kerajaan seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Kesemua dasar tersebut memberikan sumbangan yang besar ke arah mewujudkan hubungan antara kaum yang sihat. Oleh itu, rakyat yang beridentitikan Malaysia dapat diwujudkan.
5. Masyarakat Malaysia perlu berjiwa bebas, berperasaan tenteram, sentiasa bersikap terbuka, berkeyakinan diri, bangga dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi pelbagai masalah. Bangsa yang gagah akan dapat memajukan negara mereka sendiri dan

sekali gus mengangkat martabat bangsa dan negara di persada dunia. Selain itu, musuh negara mudah ditangkis oleh mereka.

6. Masyarakat Malaysia yang demokratik perlu dipupuk dan dibina. Masyarakat demokratik memiliki kebebasan untuk memilih kerajaan. Rakyat yang berfikiran matang akan menggunakan hak-hak demokrasinya dengan sewaiamnya. Segala perasaan tidak puas hati dan teguran kepada kerajaan dan pemimpin perlu disalurkan melalui saluran tertentu dalam suasana mesra dan bersifat membina. Masyarakat bermoral dan beretika pula perlu diseimbangkan dengan kemajuan fizikal dalam membentuk masyarakat berbudaya unggul. Kepatuhan kepada agama, pengamalan budaya dan tradisi yang cemerlang, keberkesanan sistem pendidikan dan keunggulan institusi kekeluargaan merupakan sumber pembinaan masyarakat bermoral dan beretika. Falsafah Pendidikan Kebangsaan, misalnya, memberikan penekanan kepada usaha melahirkan insan berilmu, berakhhlak, seimbang dan harmonis.
7. Masyarakat yang matang dapat berfikir secara rasional dan tidak bertindak secara melulu. Masyarakat yang liberal dapat membebaskan diri daripada fahaman sempit dan berfikiran terbuka untuk sedia menerima perubahan dan pandangan orang lain. Langkah ke arah mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi dapat dilihat melalui perlembagaan negara, pengamalan sistem demokrasi, kewujudan parti politik gabungan pelbagai parti kaum seperti Barisan Nasional, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Akta Bahasa Kebangsaan.
8. Masyarakat yang maju merupakan masyarakat progresif yang dapat menyerap segala perubahan persekitarannya untuk membina kecemerlangan. Masyarakat yang maju tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat saintifik. Penquasaan sesebuah masyarakat terhadap ilmu pengetahuan terutamanya yang bertuniangkan sains dan teknologi sering menjadi ukuran kemajuan sesuatu bangsa. Masyarakat ma'Ju dan saintifik mempunyai budaya ilmu yang menjana produktiviti dan amalan kreatif serta inovatif.
9. Masyarakat penyayang sering dicirikan dengan kehidupan masyarakat yang bermuafakat, saling memahami dan menghormati, bekerjasama dan saling membantu. Masyarakat penyayang tidak individualistik sebaliknya meletakkan kepentingan masyarakat lebih daripada kepentingan diri. Asas-asas yang kukuh dalam pembinaan masyarakat penyayang dan budaya penyayang ialah kepatuhan kepada agama, nilai-nilai mumi amalan tradisi dan institusi kekeluargaan. Kasih sayang dalam masyarakat bermula daripada kasih sayang dalam kekeluargaan. Hubungan sesama manusia dalam masyarakat begitu ditekankan dalam agama. Budaya tradisi yang penuh dengan nilai-nilai mumi perlu ditonjolkan semula.
10. Kemajuan sesebuah negara yang hanya dikuasai oleh kelompok-kelompok tertentu dalam masyarakat akan membawa rasa tidak puas hati dan kemudiannya mencetuskan rusuhan kaum seperti Peristiwa 13 Mei 1969. Kerajaan telah banyak melaksanakan dasar-dasar seperti Rancangan Pembangunan Lima Tahun, Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Pada umumnya, dasar-dasar tersebut adalah untuk menjamin keadilan ekonomi yang sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat.
11. Masyarakat makmur dicirikan oleh masyarakat yang hidup dalam kemewahan dan mempunyai taraf hidup yang tinggi. Pada masa yang sama tiada ahli masyarakat yang hidup melarat dalam kemiskinan. Pendapatan isi rumah berada pada tahap yang tinggi begitu juga dengan pendapatan negara.
12. Sesungguhnya, Wawasan 2020 hanya akan menjadi realiti apabila kesemua sembilan cabaran utama dapat disahut oleh semua rakyat Malaysia. Dalam hal ini, generasi pelajar yang sedang berada di bangku sekolah pada hari ini sebenarnya mempunyai

tanggungjawab yang berat. Pelajar-pelajar bukan sahaja akan terlibat dalam pengisian wawasan tetapi juga meneruskan kesinambungan perjuangan pemimpin-pemimpin negara terdahulu untuk terus mengekalkan kemajuan negara kita Malaysia.

13. Kemajuan Bersepadu Malaysia akan menjadi sebuah industri yang maju pada tahun 2020 berteraskan:

- Perpaduan rakyat.
- Kestabilan politik.
- Ketinggian taraf hidup.
- Kekuahan nilai moral dan etika.
- Kekuahan sistem kerajaan.
- Ketinggian maruah bangsa.
- Semangat yakin diri bangsanya.

RUMUSAN

Sebagai kesimpulannya dasar pembangunan ekonomi dan sosial telah digunakan dalam membina negara Malaysia yang bersatu padu, aman dan sejahtera. Kesejahteraan rakyat yang menjadi agenda utama pembangunan negara akan dapat dicapai dengan keadilan ekonomi dan perpaduan negara. Kerjasama dan tolak ansur antara kaum yang wujud selama ini telah menyediakan asas kepada negara kita untuk lebih maju pada masa hadapan. Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan terus memacu kemajuan negara setanding dengan negara-negara maju di Barat. Malaysia yang menggunakan acuan kemajuannya sendiri mala ' h mempunyai kelebihan kerana menitikberatkan keseimbangan antara kemajuan fizikal dengan kemajuan rohaniah.